

28 AUG 1996

PNB AKAN LANCAR DUA LAGI UNIT AMANAH DALAM TEMPOH 5 TAHUN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan memperkenalkan sekurang-kurangnya dua lagi unit tabung saham amanah baru dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bagaimanapun, ciri dan reka bentuk unit-unit amanah saham baru itu akan lebih bergantung kepada portfolio dan tujuan utamanya, kata Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Skim Amanah Saham Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, beliau berkata unit-unit saham itu akan mempunyai ciri-ciri khusus dengan saiz tabungan yang lebih kecil berbanding dengan skim amanah saham yang sedia ada.

"Ianya mungkin akan terbuka atau ditawarkan kepada seluruh rakyat Malaysia sebagaimana ASW 2020, tetapi pendekatannya akan lebih menjurus kepada sesuatu ciri yang dinamik," kata beliau.

Semenjak ditubuhkan, PNB telah berjaya menggembelng simpanan lebih daripada RM23 bilion yang dilaburkan oleh 1.3 juta pelabur di dalam skim Amanah Saham Nasional dan 4.4 juta pelabur dalam Amanah Saham Bumiputera.

Mengenai ASW 2020, walaupun sumbangan serta dividen yang akan diperolehi masih lagi awal untuk diperkatakan tetapi beliau berkata: "Saya yakin pelabur lebih tertarik kepada jaminan belian-balik RM1.00 yang ditawarkan".

Sementara itu Pengerusi PNB Tun Ismail Mohamed Ali di dalam ucapannya berkata, adalah dianggarkan PNB perlu mencari RM12.0 bilion dalam jangka masa akan datang untuk menampung permintaan unit-unit saham amanah yang bertambah.

Mengulas mengenai perkara itu, Hilmey berkata beliau yakin jumlah itu boleh diperolehi dengan PNB menganggarkan pelaburan baru berjumlah RM2.5 bilion hingga RM3.0 bilion setiap tahun.

Tambah beliau lagi, PNB akan terus berusaha menambah pelaburannya bagi memastikan pemegang-pemegang unit sama ada pemegang unit ASN, ASB ataupun ASW 2020 mendapat faedah daripada pertumbuhan pesat ekonomi negara, tambah beliau.

Ini termasuklah mencari peluang-peluang baru dalam penyediaan prasarana, penyertaan dalam modal teroka dan menyertai projek usaha sama, sama ada di dalam ataupun di dalam negara, kata Hilmey.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa skim ASB merupakan skim yang paling popular buat masa ini.

Ismail berkata untuk menguruskan pelaburan skim ASW 2020, PNB telah menubuhkan sebuah lagi anak syarikat milik penuhnya, Pengurusan Pelaburan Amanah Saham Wawasan 2020. -- BERNAMA

AA SIA